



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 14 FEBRUARI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	RM300,000 BANTU PESAWAH DI KEDAH DAN PULAU PINANG, NASIONAL, SINAR HARIAN -19 PROGRAM REZEKI TANI BANTU GOLONGAN B40, NASIONAL, SINAR HARIAN -6 CNY GATHERING AT SEKINCHAN, KL/SELANGOR, NANYANG SIANG PAU -B4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
4. 5.	LPP TERUS PERKASA PETANI, NASIONAL, SINAR HARIAN -6 LPP GARISKAN LIMA HALA TUJU, NASIONAL, SINAR HARIAN -7	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
6. 7.	ADUN KAMBUS DIRI DALAM PADI, LOKAL, HARIAN METRO -24 OBOR-OBOR BERACUN MUNCUL DI PANTAI PULAU KEKABU, SINAR NEGERI KELANTAN/TERENGGANU, SINAR HARIAN -35	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

14/02/2020

SINAR
HARIAN

19

NASIONAL

RM300,000 bantu pesawah di Kedah dan Pulau Pinang

ALOR SETAR - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) memperuntukkan sebanyak RM300,000 bagi Program Bantuan Diesel dalam membantu pesawah di Kedah dan Pulau Pinang yang terjejas akibat musim kemarau.

Pengerusi Nafas, Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi berkata, melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR), peruntukan berkenaan akan disalurkan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di kedua-dua negeri sekali gus membantu pesawah yang terjejas dengan membekalkan diesel untuk kerja-kerja mengepam air ke petak sawah.

"Sebanyak RM200,000 peruntukan bantuan diesel itu akan diagihkan kepada pesawah di Kedah, manakala RM100,000 lagi diperuntukkan kepada pesawah di Pulau Pinang.

"Kemudian, PPK akan mengagihkan peruntukan bantuan diesel kepada pesawah yang mengusahakan tanaman

padi mengikut permintaan dan keperluan mereka," katanya pada sidang akhbar Program Bantuan Diesel di PPK Tajar di sini semalam.

Menurutnya, penyampaian sumbangan diadakan susulan lawatan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub yang meninjau keadaan sawah kering akibat musim kemarau di negeri di utara semenanjung baru-baru ini.

Katanya, Nafas telah mengerakkan peruntukan bantuan dengan segera bagi meringankan kos operasi pesawah yang mengusahakan tanaman padi terutama pada musim kemarau.

"Nafas berharap bantuan diberikan dapat dimanfaatkan sepenuhnya demi menyelesaikan masalah sawah kering yang dihadapi pesawah agar tidak menjejaskan hasil tanaman sekali gus memberi kesan terhadap pendapatan mereka," katanya.

Beliau berkata, pihaknya turut menyerahkan peruntukan



Phahrolrazi (empat dari kiri) menyerahkan cek bantuan diesel berjumlah RM200,000 dan RM100,000 kepada pesawah di Kedah dan Perlis pada Program Bantuan Diesel Nafas di PPK Tajar, Kedah semalam.

bantuan diesel yang akan disalurkan kepada pesawah teribat

mengikut budi bicara PPK untuk membantu mereka yang terjejas di luar dan kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian

Muda (MADA).

Difahamkan, pam air diperlukan untuk kaedah penanaman komersial bagi memastikan air dapat dibekalkan kepada tanaman mencukupi.

"Lazimnya, penggunaan pam air yang menggunakan minyak diesel sebagai bahan bakar sangat diperlukan terutama pada musim kemarau," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/02/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	6

Program Rezeki Tani bantu golongan B40

PROGRAM Rezeki Tani adalah sebuah program di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bertujuan membantu peserta keluar daripada kemiskinan dengan meningkatkan pendapatan melalui projek ekonomi melibatkan aktiviti pengeluaran, pemprosesan, pengedaran, pemasaran berkaitan pertanian, penternakan dan perikanan di samping mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui latihan.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, peruntukan diberikan kepada 500 penerima yang tergolong dalam kategori B40 termasuk golongan muda yang berminat menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan.

Katanya, Rezeki Tani dilaksanakan bagi memastikan golongan tersebut mampu berdikari tanpa bergantung kepada subsidi dan sebagainya.

“Setakat ini, seramai 300 orang sudah menerima manfaat. Objektifnya untuk mencari golongan B40 dan kita bukan melakukannya dengan menerima permohonan rambang.

“Pihak kementerian sendiri, melalui pelbagai jabatan dan agensi turun tangan mencari yang susah dan sudah memulakan perniagaan secara kecil-kecilan.

“Kita akan beri bantuan dalam bentuk peralatan sesuai dengan kerja mereka supaya dapat mempertingkatkan pendapatan sekali gus keluar daripada golongan B40,” katanya.

Headline	CNY gathering at Sekinchan		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	14 Feb 2020	Color	Full Color
Section	KL/Selangor	Circulation	27,667
Page No	B4	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	592 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,447
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,341



适耕庄议员服务中心主办 新年茶会民众同欢

(适耕庄 13 日讯) 今年的适耕庄农历新年茶会特别不一样，除了有往年必备的美食、精彩表演和派发红包，也迎来农业部副部长沈志勤与民同乐，后者也大赞适耕庄是结合农业与旅游业发展的最佳范例。

由适耕庄州议员服务中心

主办的农历新年茶会，今年特意选在元宵佳节主办，尽管遇上新冠肺炎搅局，却无损参与民众的意愿，早在活动开始前就有大批民众聚集，场面水泄不通。

开放门户除了准备超过 20 种美食，免费让各族民众享

用，派发红包予 12 岁以下的小孩和长者时，也吸引长长的排队人潮，让数百名受惠者开心回家。

受邀出席的沈志勤致词时说，享有鱼米之乡美誉的适耕庄，除了是农业和渔业的发展重点区，在适耕庄州议员黄瑞林过去多年的大力宣传下，也成为国内外享誉盛名的生态旅游景点，值得各郊区小镇学习。

“政府非常关注适耕庄的

农业发展，从渔船所需的补贴柴油，到稻米扣水率等，黄瑞林曾多次向农业部陈情，因此我这次也特地到访，希望收集稻农和渔民的意见，带回农业部讨论。”

他指出，适耕庄的生态旅游模式，走出了自己的一条路，从传统的旅游景点，售卖本地美食或特产，到结合亲身体验的生态旅游，可说是崭新且永续的发展模式，非常值得效法。



沈志勤（左五）代表颁发沙白县区冠军奖杯予纪顺源一家，左三起为大港国会议员慕斯利敏与黄瑞林，右起为本赛事沙白县协调员陈紫澂、沙白县新村协调官谢享存和水柳头村长纪爱国。



遇到热情的选民打招呼，黄瑞林（右）也停下脚步和人民闲话家常。

黄瑞林：厘清各种说法 为适耕庄留正式历史文献

身为主人的黄瑞林则感谢选民和商家不离不弃的支持，除了在历届大选的鼎力支持，也极力配合各种旅游或文

娱活动，让适耕庄的名气日渐响亮。

“未来除了持续为农民和渔民发声，为旅游业打造永续

发展模式，我也会注重在适耕庄开埠百年历史的书籍，厘清各说各话或难以界定的历史说法，为适耕庄留下一本正式的历史文献。”

当天也是雪州新村家居装饰比赛的沙白县区颁奖典礼，

共有 9 个新村的 40 户家庭参与，除了颁发各村的前三名和 2 名优秀奖，来自水柳头渔村的纪顺源一家也荣获全县总冠军，捧回大奖杯和价值 1000 令吉的奖品。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/02/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	6



LPP terus perkasa petani

Utamakan penggunaan teknologi untuk transformasi pertanian

Oleh ASMALIZA MANSOR

Sejak ditubuhkan 47 tahun lalu, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) berjaya memenuhi peranannya sebagai sebuah agensi yang menyokong kuat agenda Kementrian

Pertanian Dan Industri Asas Tani (MOA) dalam mentransformasikan sektor pertanian.

Di samping lima hala tuju tahun 2019-2020 yang dirangka, LPP akan menyokong hala tuju MOA dalam peningkatan pengeluaran agro makanan, Program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani (IAT), memperkukuhkan pengeluaran sayuran dan buah, subsektor padi, padi pulut serta ternakan.

SKIM Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) diperkenalkan pada tahun 1979 untuk memberi galakan dan menarik minat golongan petani supaya kekal dalam penanaman padi.

Pengerusi LPP, Datuk Mazlan Aliman berkata, SBPKP juga bertujuan mengurangkan kos pengeluaran padi akibat kenaikan kos input dan buruh.

Menurutnya, pada tahun 2019 terdapat seramai 326,344 pesawah yang berdaftar di Malaysia sehingga musim 1 dan 2/2019 dengan jumlah subsidi baja dibiayai oleh kerajaan bernilai RM628,394,893.

Katanya, bagi musim 1/2020, seramai 163,711 pesawah yang berdaftar dengan jumlah subsidi baja yang diterima sebanyak RM163,917,625.

"Pihak kerajaan masih meneruskan bantuan baja padi kepada pesawah dan ia diperluaskan kepada petani padi bukit.

"Kerajaan juga menyediakan subsidi harga kepada benih padi supaya pesawah mendapatkan benih padi yang diiktiraf pada harga berpatutan," katanya kepada

Sinar Harian.

Mazlan berkata, pesawah juga digalakkan menggunakan teknologi pertanian sama ada dengan cara memiliki sendiri peralatan kejenteraan atau mendapatkan perkhidmatan daripada pihak swasta termasuk perkhidmatan kejenteraan yang ditawarkan pertubuhan peladang berhampiran.

Katanya, LPP melalui 19 pertubuhan peladang negeri menawarkan perkhidmatan kejenteraan kepada pesawah.

Beliau berkata, pada masa itu perkhidmatan kejenteraan yang ditawarkan oleh LPP merangkumi 33 peratus permintaan pasaran.

Bagaimanapun, katanya, sasaran itu ditingkatkan kepada 40 peratus dan untuk itu, LPP mengemukakan permohonan peruntukan berjumlah RM8.373 juta untuk perolehan jentera baharu, pembaikan dan memanjangkan hayat jentera sedia ada pada tahun ini.

Jelasnya, penggunaan teknologi menjadikan bidang pertanian bukan lagi pekerjaan 3D (*Dirty, Dangerous and Difficult*).

Pertubuhan Peladang Negeri Cawangan Jentera (PPNJ) sentiasa mencari jalan untuk menyesuaikan jentera yang ada dengan keperluan petani.

Mazlan berkata, peralatan seperti alat meratakan tanah, alat membina batas padi dan alat (*felese*) yang boleh melaksanakan tiga kerja iaitu membaja, merata dan menanam dalam satu masa boleh diperolehi di PPNJ.

"Pesawah juga dibawa mengunjungi pameran jentera baharu melalui ekspo tani seperti Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) dan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa (MAHA).

"Kini, LPP sedang mengkaji keperluan mesin dan jentera kecil seperti yang digunakan di China kerana efisien dan tidak merosakkan struktur tanah," katanya.

Penglibatan golongan muda

Sementara itu, berucap ketika merasmikan *roadshow* Peladang Muda dan Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pengerang di Bandar Penawar, Johor pada 8 Februari lalu, Mazlan berkata, LPP akan merangsang program yang boleh meningkatkan penglibatan golongan muda dalam sektor pertanian.

"Golongan peladang muda perlu ambil peluang daripada dana RM100 juta yang diperuntukkan Petronas hasil kerjasama dengan Agrobank," katanya.

Katanya lagi, golongan muda perlu merebut insentif ditawarkan kerajaan seperti geran agropreneur muda yang nilai bantuannya mencecah RM20,000 serta kemudahan oleh lain-lain agensi.



Salahuddin (dua dari kiri) merasmikan HPPNK 2019 di Plaza Angsana, Johor Bahru pada November 2019.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/02/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	7

ULANG TAHUN KE-47 LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG PADA 14 FEBRUARI 2020



Foto LPP tahun 2020 ialah Bersama Kita Perkasakan Peladang dan Institut Peladang.



Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein (kiri) menerima cenderamata daripada peserta pameran semasa dipersembahkan oleh Tun Ahmad Sarji ketika majlis pelancaran LPP di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 13 Ogos 1973.



Karnival Pasa-pasa Padi Pagar Panjang 2019 diadakan di Pagar Panjang, Sekinchan, Selangor tahun lalu.

LPP gariskan lima hala tuju

Mahu beri perkhidmatan guna mekanisasi, automasi

Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Azulita Salim ketika menyampaikan amanat 2020 berkata, institusi peladang perlu mementingkan *value creation* dalam memberi perkhidmatan kepada golongan sasaran.

"Apakah *value creation* dalam memberi perkhidmatan? Bagaimana kita ingin bentuk PPK kita? Satu anjakan itu tidak semestinya perlu besar, yang penting ia berbentuk *incremental* dengan *element substance* yang jelas," katanya ketika Perhimpunan dan Majlis Amanat Tahun Baru Pengurusan LPP 2020 di Dewan Tan Sri Abu Zahar, Menara LPP di Kuala Lumpur pada 16 Januari lalu.

Hadir sama, Pengerusi LPP Datuk Mazlan Aliman, anggota pengurusan tertinggi dan kakitangan LPP serta Pengurus Besar Pertubuhan Peladang seluruh Malaysia.

Amanat yang disampaikan Azulita menyentuh perancangan dan hala tuju serta fokus pengurusan bagi tahun 2020, di samping penghargaan kejayaan pada tahun sebelumnya.

"Peladang dan institusi peladang mesti memanfaatkan penggunaan teknologi dalam bidang pertanian selari dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) kerana ia adalah satu-satunya pendekatan yang pasti merangsang dan memberi lonjakan jauh

dalam menambah pengeluaran makanan negara.

"Peladang juga perlu menguasai rantaian nilai dalam sub-sektor yang ada kerana melaluinya penguasaan kepada pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran dalam bidang pertanian ini akan membawa impak yang lebih terjamin," katanya.

Sokong hala tuju MOA

Beliau berkata, model-model perniagaan yang berjaya perlu diperbanyakkan.

"Pendekatan mereplikasi model-model yang berjaya itu perlu diberi keutamaan terutama kepada pertumbuhan peladang yang mempunyai *competitive advantage* agar satu anjakan baharu pertumbuhan peladang mampu kita terokai.

"Impak pencapaian kesemua program itu akan dapat diukur dengan bertambahnya peladang-peladang progresif dan meningkatnya kategori PP yang maju dan lestari," katanya.

Azulita berkata, LPP akan menyokong hala tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dalam peningkatan pengeluaran agro makanan, Program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani (IAT), memperkukuhkan pengeluaran sayuran dan buah-buahan, subsektor padi, padi pulut serta ternakan.

Katanya, LPP juga akan menjadi agensi dalam memberi perkhidmatan menggunakan mekanisasi dan automasi. "Kita akan bangunkan produk-produk

keluaran usahawan peladang muda dan peladangnya agar lebih berdaya saing. Produk-produk ini perlu direka agar menarik dan kompetitif," katanya.

Memasuki RMK12

Kejayaan seramai 293,847 peladangnya dalam bidang perniagaan terutama dalam industri asas tani meningkat kepada seramai 2,935 orang sehingga tahun 2019.

Pembangunan sektor pertanian negara banyak membuka peluang dan ruang bagi wanita mempertingkatkan pencapaian mereka dalam pelbagai bidang dan aktiviti di samping membuka dan menyahut cabaran yang lebih besar untuk terus berperanan dan berjaya dalam bidang ini. Ini termasuklah bantuan kerajaan dari segi permodalan, kewangan, khidmat nasihat, teknologi, penyelidikan juga pembangunan.

LPP bersedia memasuki Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dengan fokus mementingkan keberhasilan yang memenuhi kehendak golongan sasaran.

Dalam ucapannya sempena Pemukiman RMK12 2021-2025 LPP di Putrajaya pada 3 Februari lalu, Azulita berkata, cabaran mendatang memerlukan semua pihak lebih serius memikirkan secara strategik dan komited bagaimana untuk mengimplementasi RMK12 secara *impactful*.

"Perancangan program RMK12

yang diketengahkan oleh LPP hendaklah menjurus kepada peningkatan pendapatan golongan sasaran yang bernaung di bawah 294 PPK selari dengan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB)," katanya.

Bengkel diadakan bagi menentukan program-program pembangunan di bawah LPP untuk dibawa ke RMK12.

Peserta juga menilai keperluan peruntukan bagi setiap program yang akan dibawa dan dikehendaki menyediakan projek *Logical Framework Matrix* (LFM) dan *Creativity Index* (CI).

Azulita berkata, beliau berharap program pemukiman itu dapat mengetengahkan, idea, membentuk tema dan yang paling utama boleh dicapai melalui penetapan CI berkenaan.

Pemukiman RMK12 2021-2025 LPP yang berlangsung dari 3 hingga 5 Februari lalu di Hotel Dorsett Putrajaya melibatkan pegawai-pegawai kanan dan pengurusan Pertubuhan Peladang terpilih.

Hala tuju LPP 2019-2020

- Memperkukuhkan pengeluaran agromakanan dan IAT seiring keperluan pasaran.
- Memperkukuhkan perkhidmatan mekanisasi dan automasi.
- Mengukuhkan perancangan Pertubuhan Peladang dalam program atau projek aktiviti Pertubuhan Peladang.
- Mementapkan modal insan dan tedbir urus.
- Memperkasa sistem penyampalan Pertubuhan Peladang dan pembangunan sosio ekonomi ahli Peladang.



Mazlan (tiga dari kiri) dan Azulita (dua dari kanan) semasa majlis Amanat Tahun 2020 bersama pengurusan besar pertubuhan peladang seluruh Malaysia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/02/2020	HARIAN METRO	LOKAL	24



AHMAD Mustain 'mengampus' dirinya dalam padi tanda tidak berpuas hati.

Adun kambus diri dalam padi

Sabak Bernam: Kecewa dengan kegagalan pihak bertanggungjawab membela nasib pesawah, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sabak, Ahmad Mustain Othman bertindak 'mengampus' dirinya dengan padi.

Menerusi status laman sosial Facebooknya semalam, Ahmad Mustain memaklumkan tindakan itu dilakukan untuk kebaikan rakyat di Dewan Undangan Negeri (DUN) itu.

Menurut Ahmad Mustain, beliau kecewa dengan 'janji manis' dari pihak bertanggungjawab yang sepatutnya bertindak menyelesaikan masalah pesawah susulan serangan penyakit karah tangkai.

"Apabila nasib pesawah tidak dibela, lebih baik mereka dikampus hidup-hidup," katanya.

Sebelum ini, Ahmad Mustain turut memuat naik paparan mesej *screenshot* meluahkan kekecewaan seorang pesawah susulan hasil pengeluaran padi jauh merosot.

"Apa yang diluahkan pesawah itu adalah realiti sebenar yang dihadapi pada musim tanaman kali ini."

"Kepada Yang Berhormat (YB) Exco Pertanian (Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor), kami tidak mahu lagi dialog dan janji manis."

"Kami mahu tindakan bersepadu menyelesaikan masalah (kerugian dialami pesawah) yang berlarutan sejak lapan musim," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/02/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI KELANTAN/ TERENGGANU	35

Obor-obor beracun muncul di Pantai Pulau Kekabu

MARANG - Orang ramai diingatkan supaya berwaspada dan tidak menyentuh obor-obor beracun yang dikenali sebagai *portuguese man o' war* (*physalia cnidaria*).

Hidupan laut itu ditemui terdampar di Pantai Pulau Kekabu di sini oleh anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM) Marang ketika sedang menjalani Latihan Penyelamat Pantai APM dua hari lalu.

Pengarah Perikanan Terengganu, Zawawi Ali berkata, hidupan laut dalam spesies obor-obor yang dikategorikan dalam *filum cnidaria* itu mempunyai ribuan sel penyengat berbisa.

"*Physalia* adalah haiwan yang dikategorikan dalam *filum cnidaria* bersama-sama obor-obor di mana ia tidak boleh berenang dan bergantung kepada arus.

"Haiwan ini mempunyai ribuan sel penyengat yang boleh menyebabkan rasa sakit melampau jika terkena pada badan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sehubungan itu, beliau meminta orang ramai supaya menjauhkan diri, tidak menyentuh atau berenang di kawasan yang terdapat spesies tersebut.

"Sama seperti obor-obor biasa, elakkan diri daripada terkena pada badan kerana ia akan menyebabkan kegatalan.

"Setakat ini tiada antivenom untuk merawat bisa yang disebabkan sengatan *physalia*. Rawatan yang ada adalah berbentuk ubat penahan sakit dan melegakan simptom," kata beliau.

Beliau berkata, haiwan tersebut biasanya ditemui di Lautan Pasifik namun sejak kebelakangan ini ia turut dikesan di perairan Thailand, Kuantan, Pulau Tioman dan Sabah.

FOTO: IHSAN APM MARANG



Spesies obor-obor yang dikategorikan dalam *filum cnidaria* itu mempunyai ribuan sel penyengat berbisa.